

Halang lalu lintas, kesalahan paling tinggi operasi trafik

KUALA LUMPUR – Sebanyak 6,496 saman dikeluarkan dalam tempoh lima hari pelaksanaan Ops Hormat Undang-Undang Jalan Raya (HUU) di ibu negara bermula 4 Jun lalu.

Ketua Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Kuala Lumpur, Asisten Komisioner Sarifudin Mohd. Salleh berkata, halangan lalu lintas atau parkir merupakan kesalahan tertinggi direkodkan dalam tempoh tersebut.

“Halangan lalu lintas merekodkan sebanyak 12,376 saman, berhenti petak kuning (26), berhenti di laluan pejalan kaki (707), tiada lesen memandu (470), kes-

alahan nombor plat (238) dan cukai jalan tamat tempoh (316).

“Selain itu, kesalahan tiada insurans (lapan), tiada nombor pendaftaran (122), tiada cermin sisi (195), menggunakan telefon (100), tidak tampal P (121), lesen tamat tempoh (73), tidak ikat topi keledar (53), lampu brek tidak fungsi (tiga), ubah suai kenderaan (28),” katanya dalam kenyataan semalam.

Jelas beliau, seramai 188 pegawai kanan dan 2,183 anggota JSPT Kuala Lumpur ditugaskan sepanjang tempoh tersebut selain dibantu beberapa anggota Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Jabatan Pengangkutan Jalan

(JPJ).

Tambah Sarifudin, sebanyak 196 operasi dijalankan di beberapa lokasi di sekitar ibu negara antaranya Op Telefon Bimbit, Op Motosikal, Op Had Laju/LSD, Op Perdagangan dan Op Halangan.

“Seramai 34 individu ditahan serta dua buah motosikal dan sebuah lori di sita,” ujarnya.

Bermula 4 Jun lalu, satu operasi trafik secara besar-besaran dijalankan Polis Kuala Lumpur sehingga 15 Jun.

Sebanyak 200 anggota ditugaskan setiap hari terdiri daripada pegawai kanan polis dan pegawai rendah dari jabatan dan daerah Kontinjen Kuala Lumpur.



ANGGOTA polis memeriksa kenderaan dalam operasi trafik dijalankan di Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur baru-baru ini.